



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	18/1/2017	MUKA SURAT : 52
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Tapir sudah kembali ke hutan

KUALA TERENGGANU- Tapir dewasa yang ditemui berkeliaran di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) berhampiran susur keluar ke Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman, Bukit Takal, Kijal, yang menjadi tular beberapa hari lalu dipercayai sudah kembali semula ke kawasan hutan berhampiran.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Mohd Hasdi Husin berkata, pihaknya bergegas ke lokasi dimaksudkan selepas menerima aduan daripada beberapa pengguna lebuh raya mengenai kewujudan haiwan terbabit.

Bagaimanapun, setibanya di kawasan berkenaan, pihaknya mendapati tapir tersebut sudah tiada dan tinjauan kemudiannya menemui kesan tapak kaki haiwan itu yang menghala ke hutan berhampiran.

"Berdasarkan maklumat beberapa pekerja di ladang kelapa sawit berdekatan, tapir tersebut memang sering dilihat berkeliaran di kawasan berkenaan sebelum ini dan sememangnya ia antara lokasi yang menjadi habitatnya.

"Kita tidak menolak kemungkinan pagar bocor di beberapa lokasi sepanjang LPT2 antara punca menyebabkan haiwan itu 'tersesat' ketika cuba menyeberangi le-

buh raya itu untuk kembali ke habitatnya semula," katanya.

Jelas Mohd Hasdi, lokasi penemuan tapir itu didapati berhampiran lokasi insiden harimau belang yang mati dirempuh kenderaan, tahun lalu, dan pihaknya percaya kemungkinan situasi sama terjadi kepada harimau tersebut yang membolehkan tersesat ke laluan berkenaan.

"Bagi mengelak peristiwa sama berulang kembali, kami memohon kerjasama daripada pihak LPT2 agar dapat membaiki pulih antara pagar-pagar yang sudah rosak di sepanjang lebuh raya.

"Selain itu, jika boleh pihak berkenaan perbanyakkan lagi papan tanda pemberitahuan kawasan habitat liar di sepanjang lebuh raya agar pengguna lebuh raya lebih berhati-hati dan berjaga-jaga sepanjang laluan," katanya.

Sinar Harian keluaran 16 Januari lalu melaporkan seekor tapir dewasa ditemui berkeliaran di atas lebuh raya berhampiran susur keluar ke Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman, Bukit Takal, Kijal, beberapa hari lalu.

Kehadiran binatang liar yang agak jinak itu membuatkan ada pengguna LPT2 memperlahankan kenderaan untuk mendekati tapir itu dan merakam gambar.